

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B TUAN CHONG CHIENG JEN
[BANDAR KUCHING]**

TARIKH : 17.3.2016

SOALAN :

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kerajaan Negeri Sarawak ada bercadang agar pemulihan penggunaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantaraan untuk pengajaran semua mata pelajaran di sekolah-sekolah mubaligh (mission) di Negeri Sarawak. Apakah pendirian Kerajaan Persekutuan terhadap cadangan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Semua institusi pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah tertakluk kepada Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] di bawah bidang kuasa Menteri Pendidikan. Akta 550 merupakan dokumen perundangan yang menjadi rujukan berhubung apa-apa perkara yang berkait dengan pendidikan di semua institusi pendidikan dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan. Akta 550 ini juga telah mengkanunkan segala hasrat dan aspirasi negara yang ingin dicapai melalui pelaksanaan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang berpaksikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Subseksyen 17 (1) Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] menetapkan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama di semua institusi pendidikan dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan kecuali sekolah jenis kebangsaan yang ditubuhkan di bawah seksyen 28 atau mana-mana institusi pendidikan lain yang dikecualikan oleh Menteri daripada subseksyen ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar utama sama ada di sekolah kerajaan, sekolah bantuan kerajaan termasuklah di sekolah mubaligh (*mission*) serta sekolah swasta adalah bercanggah dengan peruntukan Akta 550 tersebut.